

20/07/1998

Mahathir puas hati operasi KLIA

SEPANG, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan operasi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang bermula hampir tiga minggu lalu.

Menurut Perdana Menteri, operasi di lapangan terbang bernilai RM9 bilion itu pada keseluruhannya berjalan lancar, walaupun masih ada sedikit masalah kecil.

Dr Mahathir berkata, adalah sukar untuk KLIA mencapai tahap operasi sepenuhnya kerana lapangan terbang itu baru dibuka dan saiznya juga besar.

"Nampak semakin baik ... adalah sikit-sikit masalah kecil di sana sini, tetapi umumnya berjalan dengan baik.

"Kerana ia prasarana baru yang besar, tidak mudahlah dengan sekali gus untuk berjalan dengan begitu licin," katanya ketika melakukan lawatan mengejut ke KLIA, hari ini.

Antara kawasan yang dilawati beliau ialah bangunan tempat letak kereta dan gerai makanan di tingkat dua, Bangunan Terminal Utama.

Operasi KLIA sebelum ini menghadapi masalah, terutama pada hari pertama operasi komersilnya kerana gangguan sistem komunikasi maklumat penumpang dan kargo.

Bagaimanapun, masalah itu tidak menjejaskan penerbangan berjadual dan kargo di lapangan terbang itu.

Terdahulu, Perdana Menteri melawat tapak projek litar lumba kereta Formula Satu berdekatan KLIA bagi perlumbaan antarabangsa tahun depan.

Perdana Menteri berkata, projek itu kini berjalan lancar dan mungkin dapat disiapkan Oktober depan.

Beliau turut meninjau Paya Indah iaitu taman santuari pertama negara seluas 3,200 hektar di Kuala Langat, tidak jauh dari KLIA.

Menurut Dr Mahathir, taman itu akan dibuka kepada orang ramai tahun depan dan akan dilengkapi kemudahan penginapan dan beriadah seperti mendayung perahu dan menunggang kuda.

Taman tanah lembap itu adalah kawasan perlindungan semula jadi kepada lebih 130 spesies burung, 40 spesies ikan, 25 spesies haiwan mamalia dan reptilia, 220 tumbuhan akuatik, rumpai air dan spesies herba lain.

(END)